

Perbandingan Antara Tafsir Ibnu Furak Dan Tafsir Al-Sha'rawi : Analisis Surah Al-Sajdah Dan Al-Rum

[Comparison Between Tafsir Ibnu Furak And Tafsir Al-Sha'rawi: Analysis Of Surah Al-Sajdah And Al-Rum]

Mior Zulfadly Bin Mior Pi (*Corresponding author*)

Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),
02600 Perlis, Malaysia, mior@kuips.edu.my

Nik Faisal Bin Nik Ismail

Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),
02600 Perlis, Malaysia, nikfaisal@kuips.edu.my

Mahyudin Bin Daud

Islamic Education Program, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia, muhyi@um.edu.my

*Article
Progress:*

Submission date:
1 Dec 2024
Accepted date:
20 Dec 2024

ABSTRACT

Throughout every era, there have been scholars who dedicated themselves to the Qur'an, such as Ibn Furak. He is Abu Bakr Muhammad b. al-Hasan b. Furak al-Ansari al-Isbahani, Ash'arite theologian and traditionist, was born about 330/941, perhaps in Ispahan. In 'Iraq, both at Basra and at Baghdad, he studied Ash'arite kalam under Abu 'I-Hasan al-Bahili along with al-Baqillani. On the other hand, contemporary scholars have emerged with the same mission, such as Sheikh Muhammad Mutawalli al-Sha'rawi. He is a renown Egypt nativity scholar for his knowledge credibility in numerous fields. His activeness in the field of da'wah and social has leaped him as a renowned contemporary da'ie murabbi. His approach concerning the current philosophical interpretation in al-Quran comprehension is a noble effort in integrating ma'na and isharah comprised in al-Quran which is in line with the current scientific. This study aims to identify the methodology of writing the tafsir al-Sha'rawi written by Muhammad Mutawalli al-Sha'rawi and also the tafsir Ibn Furak written by Abu Bakr Muhammad Bin Al-Hasan Bin Furak by examining the form or method of writing the two tafsir books. This qualitative study uses the library method to collect data which is then analyzed using the 'comparative' method. The findings of the study show that al-Sha'rawi used a lot of linguistic methods and the method of verse-by-verse reconstruction. The study also found that Ibn Furak relied more on the opinions of the tabi'in in his interpretation.

Keywords: Methodology, Tafsir, Al-Sha'rawi, Ibn Furak, Language, Reconstruction

PENDAHULUAN

Tafsir di sudut bahasa ialah *masdar* atau kata terbitan di atas *wazan taf'il* (تَفْعِيل) yang berasal daripada perkataan *fassara* (فَسَّرَ) dan bermaksud menerangkan atau menyatakan sesuatu (Al-Suyuti, 1991: 38). Menurut al-Zurqani pentafsiran adalah penjelasan atau penerangan terhadap sesuatu (Al-Zurqani, 1988: 3). Ini dikuatkan lagi oleh Ibn Faris dan Ibn al-Manzur yang menjelaskan perkataan tafsir ini dengan maksud penjelasan terhadap sesuatu maklumat yang sedia ada supaya mudah difahami (Ibn Faris, 1998: 837) (Ibn al-Manzur, 2000: 180).

Di sudut istilah pula, Salah 'Abd al-Fattah ketika mengemukakan pandangan Abu al-Baqa' al-Kafawi terhadap definisi tafsir sebagai pengulangan kata-kata menggunakan perkataan lain yang lebih mudah difahami (Salah 'Abd al-Fattah, 2002: 23). Menurut Ibn Hayyan, tafsir ialah ilmu yang membahaskan tentang cara menuturkan lafaz-lafaz al-Quran, membahaskan petunjuk-petunjuknya dan hukum-hakamnya sama ada secara bersendirian atau pun secara berkelompok (Ibn Hayyan, 1992: 13). Al-Zarkashi pula menyebut bahawa tafsir ialah ilmu untuk memahami al-Quran yang mengandungi keterangan makna, Hukum-hakam dan hikmah (Al-Zarkashi, 1988: 13). Al-Zurqani menjelaskan tafsir sebagai satu disiplin ilmu yang membincangkan mengenai petunjuk al-Quran sesuai dengan kadar upaya manusia (Al-Zurqani, 1988: 3). Al-Jurjani menyebut bahawa tafsir ialah penjelasan makna ayat, keadaannya, sebab-sebab turunnya melalui lafaz yang ditunjukkan oleh dilalah yang zahir (Al-Jurjani, 1989: 55). Menurut al-Kilbi pula, tafsir ialah mensyarahkan al-Quran, menerangkan maknanya dan menjelaskan apa yang dikehendaki oleh firman Allah (Al-Kilbi, t.t: 11).

Kesimpulannya, tafsir mempunyai definisi yang berbeza-beza, walau pun ia membawa maksud yang sama iaitu satu disiplin ilmu yang membincangkan mengenai cara-cara memahami makna al-Quran pada maksudnya yang sebenar melalui kaedah-kaedah yang dipersetujui oleh para ulama.

Dalam artikel ini, pengkaji menjadikan dua buah kitab tafsir iaitu tafsir al-Sha'rawi dan tafsir Ibn Furak sebagai bahan kajian utama di mana tafsir al-Sha'rawi dianggap sebagai tafsir kontemporari yang masyhur manakala tafsir Ibn Furak pula dikategorikan sebagai tafsir klasik. Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis beberapa metode yang telah digunakan oleh al-Sha'rawi dan Ibn Furak dalam mentafsirkan surah al-Sajdah dan al-Rum.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Antara sorotan kajian lepas berkaitan tafsir al-Sha'rawi ialah kajian yang dibuat oleh Aliyyul Adzhiim bertajuk Harta Menurut Al-Quran: Studi Penafsiran Surah Al-Humazah menurut

Mutawalli al-Sha'rawi. Kajian ini mengisahkan tentang perangai manusia yang mencari harta siang dan malam dengan merendahkan orang lain. Al-Humazah bukan merupakan harta kekayaan tetapi bererti segala sesuatu yang membuat hati merasa lebih tinggi di banding orang lain seperti kepintaran, kecantikan atau kemasyhuran (Aliyyul Adzhiim, 2021). Selain itu, kajian Yogi Imam Perdana berkaitan Penafsiran Nafsu Amarah Bi al-Suk Menurut Sheikh Mutawaali al-Sha'rawi (menyoroti siapa musuh yang paling berbahaya dalam diri) menyingkap tentang penafsiran nafsu yang di sebut oleh Sheikh Mutawalli al-Sha'rawi (Yogi Imam Perdana, 2019). Di Indonesia kajian tafsir al-Sha'rawi dijadikan sebagai analisis kajian di Institut Perguruan Tinggi Ilmu Al-Quran yang bertajuk Moderasi Islam Dalam al-Sha'rawi (Analisis Tematik atas Tafsir Al-Sha'rawi) (Solihin, 2019).

Selain itu, pengkaji juga mendapati beberapa kajian berkaitan Ibn Furak antaranya ialah kajian berkaitan Metode Tafsir Ibn Furak oleh Ali CAN yang membincangkan sudut kefahaman, metodologi dan sumbangan Ibn Furak dalam bidang tafsir (Ali CAN, 2013) dan juga kajian oleh Hasyim & Uthman bertajuk Penjelasan Berkaitan Manhaj Ibn Furak Dalam Kitab Musykil al-Hadith Wa Bayanuhu yang mengkaji berkaitan manhaj beliau dalam memahami teks-teks hadith dan percanggahan yang berlaku pada sebahagian teks-teks hadith (Hasyim & Uthman, 2022).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Penyelidikan berasaskan kualitatif adalah satu reka bentuk kajian yang berasaskan kepada “*by word*” dan “*picture*” atau satu kajian yang dibuat menggunakan huraian dan pelaporan secara verbal tanpa sebarang cerapan statistik (Ghazali & Sufean, 2021). Kaedah ini dipilih kerana dapat memberi fokus dan memahami secara mendalam sesuatu fenomena dan membolehkan penyelidik untuk menyelidik, memerhati dan meneliti sesuatu isu dan permasalahan yang berlaku dalam persekitaran yang sebenar (Merriam, 1998).

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Data ditakrifkan sebagai angka, kejadian atau fakta kasar yang diolah mengikut keperluan bagi mendapatkan maklumat daripada sampel kepada penyelidik (Ghazali & Sufean, 2021). Dalam kajian atau penyelidikan kualitatif, pengumpulan data yang baik adalah pengumpulan data yang menggunakan dua jenis data, iaitu data primer dan sekunder. Data primer adalah data yang diperoleh melalui temu bual manakala data sekunder pula adalah data yang diperoleh melalui pemerhatian dan dokumen (Ghazali & Sufean, 2021).

Pengumpulan data dalam kajian ini turut diperoleh melalui kaedah dokumen. Menurut Merriam (1988), dokumen adalah data sokongan atau tambahan dan bersumberkan kepada pelbagai

bahan dalaman yang didapati daripada sumber ketiga. Dokumen terdiri daripada pelbagai jenis bahan, iaitu seperti mem, video, filem, diari, surat, memo dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, dokumen-dokumen berbentuk buku telah dirujuk khususnya berkenaan Tafsir al-Sha'rawi dan Tafsir Ibn Furak. Bagi memperoleh data-data berkenaan, penyelidik akan merujuk buku-buku klasik dan kontemporari, artikel-artikel ilmiah dan bahan-bahan bertulis daripada data berbentuk primer dan sekunder.

KAEDAH ANALISIS DATA

Setelah proses pengumpulan data dilakukan, penyelidik akan menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif dalam menganalisis data dan maklumat yang diperolehi.

Induktif

Induktif adalah satu cara untuk menganalisis data melalui pola berfikir dengan cara pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Dengan kata yang lain, kaedah ini adalah untuk menghuraikan data-data yang bersifat khusus kepada kesimpulan yang bersifat umum. Sehubungan daripada itu, dalam kajian ini, kaedah induktif diaplikasikan untuk mendapat satu kesimpulan umum berhubung dengan persoalan yang dikaji. Dalam konteks itu, penyelidik akan meneliti dan menganalisis metodologi yang digunakan dalam Tafsir al-Sha'rawidan Tafsir Ibn Furak.

Deduktif

Deduktif merupakan penggunaan teori yang ada berasaskan kepada pemikiran dan pengalaman tertentu untuk melihat fenomena yang berlaku. Sehubungan daripada itu, kaedah ini adalah cara untuk analisis data-data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal yang bersifat umum untuk mencapai dalil-dalil yang bersifat khusus. Dalam konteks kajian ini, kaedah deduktif dilaksanakan bagi menganalisis metodologi yang digunakan dalam Tafsir al-Sha'rawidan Tafsir Ibn Furak.

Komparatif

Komparatif adalah cara atau proses membuat kesimpulan melalui perbandingan data, fakta dan pendapat yang dikumpulkan semasa menjalankan kajian dan sekaligus memperoleh beberapa perbezaan dan persamaan, kelebihan dan kekurangan. Dalam konteks kajian ini, penyelidik akan menggunakan kaedah ini untuk melihat persamaan dan perbezaan metodologi yang digunakan dalam Tafsir al-Sha'rawi dan Tafsir Ibn Furak.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Biodata Abu Bakr Muhammad Bin Al-Hasan Bin Furak (941-1015M / 330-406H)

Ibnu Furak dilahirkan di Isfahan pada tahun 941 masihi bersamaan tahun 330 hijrah. Nama sebenar beliau adalah Abu Bakr, Muhammad bin al-Hasan bin Furak al-Shafi'i al-Ansari al-Isbahani. Beliau belajar dengan Imam al-Baqilāni di Basrah dan Imam Isfarayni di Baghdad (Al-Bayhaqi, 1999). Ibnu Furak mati dibunuh dengan diracun oleh golongan al-Karamiyyah dalam perjalanan pulang dari berjumpa Sultan Mamud al-Ghazni tahun 1015 M bersamaan 406 H (Tabaqat al-Shafi'iyah: 1413). Beliau seorang yang warak, alim ilmu Nahw, Usul al-Fiqh dan ilmu al-Fiqh. Beliau di maqamkan di Hayrah, Naysabur. Ibnu Furak selalu menentang golongan Karamiyyah yang diketuai oleh Abu Abdullah bin Karam. (Tabaqat al-Shafi'iyah al-Kubra: 1431)

Biodata Sheikh Muhammad Mutawalli Al-Sha'rawi

Al-Sha'rawi lahir pada tahun 1911 M, di desa Daqadus, salah satu kota kecil yang terletak tidak jauh dari kota Mayyit Ghamr, daerah Daqahliyyât. Pendidikan beliau dimulai dengan menghafal al-Quran pada usia 11 tahun dengan guru beliau Sheikh 'Abd al-Majid Pasha (Jauhar, 1990). Beliau merupakan lulusan Universiti al-Azhar daripada Fakulti Bahasa Arab pada tahun 1937 M (Al-Aynayn, 1995). Al-Sha'rawi memulakan kerjayanya sebagai tenaga pengajar di Sekolah al-Azhar di Tanta. Kemudian, beliau menjadi guru di sekolah al-Zaqaqiq. Pada tahun 1950 beliau telah dihantar ke Arab Saudi untuk menjadi pensyarah di Fakulti Syariah, Universiti Umm al-Qura, Makkah al-Mukarramah. Pada tahun 1960, beliau dan semua pengajar daripada Universiti al-Azhar yang berkhidmat di Saudi diarahkan kembali ke Mesir kerana perselisihan yang berlaku di antara Jamal Abdul Naser, Presiden Mesir ketika itu dengan Raja al-Su'ud. Sekembalinya dari Arab Saudi, pada tahun 1962, beliau dilantik sebagai pengarah dakwah di Jabatan Agama, merangkap sebagai pemeriksa bagi pengajaran bahasa Arab di al-Azhar serta menjadi ketua di pejabat Sheikh Hasan Makmun, Sheikh Masjid al-Azhar (Herry, 2006).

ANALISIS METODOLOGI TAFSIR AL-SHA'RAWI DAN IBN FURAK

Dalam pentafsiran al-Sha'rawi dan Ibn Furak, pengkaji mendapati bahawa terdapat perbezaan dan persamaan dalam metode pentafsiran kedua-duanya. Antaranya ialah:

1. Persamaan Metodologi Yang Digunapakai Dalam Kedua-Dua Tafsir

a) Kaedah Kebahasaan

Salah satu kaedah dasar yang semestinya sebagai seorang mufasir penting untuk diperhatikan adalah kaedah kebahasaan. Hal ini yang dijadikan salah satu sumber penting

dalam pentafsiran oleh al-Sha'rawi. Kaedah ini akan memudahkan pembaca dalam memahami esensi makna dari teks-teks yang tersaji dalam al-Quran, sehingga menghantarkan pada pemahaman yang mendekati makna sebenarnya.

Hal ini dapat dilihat secara jelas dalam Tafsir al-Sha'rawi di mana proses penafsiran didominasi oleh ijtihad beliau pada aspek kebahasaan. Beliau didapati sangat teliti dalam mencermati kaedah kebahasaan dalam al-Quran, yang kemudian menjelaskan dengan penyampaian yang baik dan penggunaan bahasa yang ringan sehingga setiap kalangan pembaca akan mudah dalam memahami dan mengerti apa yang ingin disampaikan dari ayat al-Quran (Pasya, 2017). Sebagai contoh, ketika menjelaskan ayat 2 surah al-Sajdah, al-Sha'rawi menyatakan bahawa perkataan al-Tanzil dalam ayat tersebut berasal daripada kata akar نَزَلَ yang bermaksud telah menurunkan sesuatu. Al-Tanzil (perbuatan menurunkan sesuatu iaitu wahyu) adalah menjadi tugas malaikat sebagaimana dijelaskan dalam antaranya firman Allah dalam surah al-Qadr, ayat 1:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ

Terjemahan:

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam Lailatul-Qadar”.

(Surah al-Qadr: 1)

Iaitu daripada Luh al-Mahfuz ke langit dunia, kemudian malaikat turun secara beransur-ansur menyampaikan wahyu berdasarkan peristiwa yang berlaku sebagaimana ayat 193, surah al-Shuara':

نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ

Terjemahan:

“Ia dibawa turun oleh malaikat Jibril yang Amanah”. (Surah al-Shuara':193)

Kemudian beliau menjelaskan lagi bahawa perkataan nazala dan kata terbitan daripadanya seperti inzal atau tanzil merujuk kepada sesuatu yang datang daripada tempat yang tinggi ke tempat yang lebih rendah, seolah-olah ketika mana kamu sedang menerima sesuatu perkara atau arahan daripada pihak yang lebih tinggi kedudukannya daripada kamu, maka pastilah kamu tidak akan sesekali berfikir pada perkara yang lain.

Metodologi yang sama juga didapati di dalam pentafsiran Ibn Furak, contohnya ketika menjelaskan ayat 51, surah al-Rum:

وَلَئِنْ أَرْسَلْنَا رِيحًا فَرَأَوْهُ مُصْفَرًّا لَّظَلُّوا مِنْ بَعْدِهِ يَكْفُرُونَ

Terjemahan:

“Dan demi sesungguhnya, jika Kami hantarkan angin (menyerang tanaman) lalu mereka melihat tanaman itu menjadi kuning kering, nescaya mereka sesudah itu, terus kembali kufur (tidak mengenangkan nikmat-nikmat Allah serta berputus asa)”. (Surah al-Rum: 51)

Beliau menjelaskan bahawa perkataan لئن adalah tanda penyataan terhadap sesuatu syarat (adat al-syarat), maka jawapan kepada syarat tersebut ialah bahawa mereka itu akan tetap kufur sebagaimana sebelumnya sekalipun setelah ditimpakan ribut kencang yang memusnahkan seluruh tanaman mereka.

b) Tafsiran Para Sahabat Dan Tabi'in

Ibnu Furak sering mendatangkan pendapat para sahabat dan tabi'in dalam tafsirnya. Hal ini dapat dilihat dalam pelbagai ayat. Sebagai contoh, ayat 21, surah al-Rum:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

Terjemahan:

“Dari ayat Kami (Allah) menciptakan kamu daripada diri kamu sendiri para isteri supaya kamu hidup bersenang-senang bersamanya, dan di dalamnya ada kasih sayang”. (Surah al-Rum: 21)

Beliau telah menukulkan pendapat Qatadah bahawa maksud “daripada diri kamu sendiri” dalam ayat di atas adalah merujuk kepada penciptaan Hawa dari tulang rusuk Adam.

Demikian juga penjelasan kepada ayat 27, surah al-Rum:

وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ وَلَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ

الْحَكِيمُ

Terjemahan:

“Dan Dia lah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Dia mengembalikannya (hidup semula sesudah mereka mati), sedang pelaksanaan yang demikian amatlah mudah bagiNya. Dan bagiNyalah jua sifat yang tertinggi di langit dan di bumi, dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”. (Surah al-Rum: 27)

Ibn Furak telah mendatangkan pendapat Ibn Abbas dan Mujahid bahawa “memulakan kejadian kemudian Dia mengembalikannya semula” di sini bermaksud memulakan penciptaan tubuh badan manusia dan kemudian diulangkan semula (penciptaan tersebut) yang mana itu adalah lebih mudah dari penciptaan yang pertama.

Demikian juga ayat 9, surah al-Rum:

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً وَأَثَارُوا الْأَرْضَ
وَعَمَرُوهَا أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا وَجَاءَتْهُمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانَ اللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ
يُظْلِمُونَ

Terjemahan:

“Tidakkah mereka telah berjalan dan mengembara di muka bumi, serta memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu dari mereka? Orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri, dan orang-orang itu telah meneroka bumi serta memakmurkannya lebih daripada kemakmuran yang dilakukan oleh mereka, dan orang-orang itu juga telah didatangi oleh Rasul-rasulnya dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (lalu mereka mendustakannya dan kesudahannya mereka dibinasakan). Dengan yang demikian, maka Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri”. (Surah al-Rum: 9)

Ibn Furak menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan firman Allah SWT “Dan orang-orang itu telah meneroka bumi serta memakmurkannya lebih daripada kemakmuran yang dilakukan oleh mereka” ialah mereka berkebun dan menjalankan kegiatan-kegiatan pertanian sebagaimana pendapat Mujahid.

Begitu juga ketika menghuraikan ayat 16, surah al-Sajdah:

تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

Terjemahan:

“Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur, (sedikit sangat tidur, kerana mengerjakan sembahyang tahajjud dan amal-amal soleh); mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaanNya) serta dengan perasaan ingin memperoleh lagi (keredaaNya); dan mereka selalu pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepada mereka”. (Surah al-Sajdah: 16)

Menurut Ibn Furak, *الاضطجاع* sebagaimana pendapat Anas dan Qatadah bermaksud mereka memelihara solat sunat yang dilakukan diantara waktu maghrib dan isyak. Manakala Hassan Basri dan Mujahid pula mentafsirkan *الاضطجاع* dengan solat-solat yang dilakukan pada waktu malam. Mereka itu sentiasa menyandarkan lampung-lampung atau rusuk-rusuk mereka untuk merehatkan badan sambil berdoa kepada Allah dengan penuh pengharapan kemudian sebahagian daripada rezeki mereka pula dijadikan sebagai sedekah.

Metodologi yang sama juga dapat dilihat dalam pentafsiran al-Syaarawi, sebagai contoh ketika menjelaskan ayat 10 surah al-Rum:

ثُمَّ كَانَ عَقِبَهُ الَّذِينَ أَصْأُوا السُّوْأَىٰ أَنْ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَكَانُوا بِهَا يَسْتَهْزِءُونَ

Terjemahan:

“Sesudah dibinasakan di dunia maka akibat orang-orang yang melakukan kejahatan itu ialah seburuk-buruk azab (di akhirat kelak), disebabkan mereka mendustakan ayat-ayat keterangan Allah dan sentiasa mempersendakannya”. (Surah al-Rum:10)

Al-Shar’awi menyatakan bahawa perkataan *السُّوْأَىٰ* dalam ayat ini bermaksud satu perkara yang akan memberi mudharat atau kejahatan kepada pemiliknya ketika dia menemuinya iaitu api neraka sebagaimana dinukilkan pendapat Ibn Abbas dan Qatadah.

2. Perbezaan Metodologi Yang Digunapakai Dalam Kedua-Dua Kitab Tafsir.

Metodologi yang sering digunakan oleh al-Sha’rawi dalam penafsiran adalah dengan mengkonstruksi ayat dengan menggunakan ayat lain (*tafsir al-ayat bi al-ayat*) yang dianggap memiliki kaitan pada kajian yang sedang dibahas untuk memberikan kefahaman yang lebih baik.

Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa metodologi ini sama sekali tidak ditemui di dalam pentafsiran Ibn Furak. Sebagai contoh, ketika al-Sha'rawi menjelaskan ayat 8 surah al-Rum:

أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا فِي أَنفُسِهِمْ ۚ مَا خَلَقَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى

Terjemahan:

“Patutkah mereka merasa cukup dengan mengetahui yang demikian sahaja, dan tidak memikirkan dalam hati mereka, (supaya mereka dapat mengetahui), bahawa Allah tidak menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya itu melainkan dengan ada gunanya yang sebenar, dan dengan ada masa penghujungnya yang tertentu”. (Surah al-Rum: 8)

Menurut al-Sha'rawi yang dimaksudkan dengan “apa yang ada di antara langit dan bumi” adalah bintang dan cakerawala yang kita lihat di langit dunia sebagaimana hal ini telah dijelaskan di tempat yang lain iaitu ayat 12 surah Fussilat:

وَرَزَقْنَا السَّمَاءَ الدُّنْيَا مَصْرِيحًا وَحِفْظًا

Terjemahan:

“Dan Kami hiasi langit yang dekat (pada pandangan mata penduduk bumi) dengan bintang-bintang yang bersinar cemerlang serta memelihara langit itu dengan sebaik-baiknya”. (Surah Fussilat: 12)

RUMUSAN

Kitab tafsir al-Sha'rawi dan Ibn Furak merupakan sebahagian khazanah ilmu Islam dalam bidang tafsir yang perlu diberi perhatian. Pengkaji mencadangkan kedua-dua kitab tafsir ini diberi khidmat *tahqiq* dari sudut ayat dan hadis yang dinyatakan di dalam kitab ini bagi menjaga martabat hadis dan mengangkat mutu kitab-kitab tersebut. Kajian-kajian akademik terhadap kitab ini perlu diperbanyakkan lagi bagi menggali khazanah yang berharga yang telah ditinggalkan ini.

RUJUKAN

- Ab. Majid, M. Z. (2012). Maqasid al-Shariah: Satu Pengenalan. Dalam Maqasid al-Shari'ah.
- Abdullah Hasan dan Ainon Muhammad. (2001). Teori dan Teknik Terjemahan. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

- Ahmad al-Mursi Husein Jauhar. (1990). Al-Sheikh Muhammad al-Mutawalli al-Sha'rawi (Imâm al-‘Ashr) Dar al-Salam: Mesir.
- Al-Asfahani, al-Husayn Muhammad A.Q. (2006). Mu‘jam Mufradat Alfaz al-Quran. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Asfahani, al-Husayn Muhammad, (1999). Mu‘jam Mufradat Alfaz al-Quran. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari. (2001). Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar Tuq al-Naja
- Al-Fayruzabadi. (1997). Qamus al-Muhit. Beirut: Mu’assasah al-Risalah
- Al-Jurjani, Abu Bakr cAbd al-Qahir Abd al-Rahman Muhammad. (1989). Dala’il al-Iqjaz. Kaherah: Matbacat al-Madani.
- Al-Khalidi, Salah cAbd al-Fattah. (2002). Takrif al-Darisin bi Manahij al-Mufasirin. Damascus: Dar al-Qalam
- Al-Kilbi, Muhammad Ahmad Juzai. (1998). Al-Tashil li Ulum al-Tanzil. Beirut: Dar al-Arabiyyah.
- Al-Qattan, Mannaq Khalil. (1989). Mabahith fi Ulum al-Quran. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Raghib al-Asfahani. (1981). Jamik al-Tafasir. Kaherah: Maktabat al-Adab.
- Al-Raghib al-Asfahani. (1999). Mufradat Alfaz al-Quran. Kaherah: Maktabat al-Adab.
- Al-Sha’rawi. (1997). Tafsir Al-Sha’rawi. Juz 18 dan 19. Cetakan Akhbarul al-Yaum
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. (1991). Al-Itqan fi-Ulum al-Quran. Beirut: Al-Maktabah al-Asriyyah. Selangor: Penerbit UIAM.
- Al-Zarkashi, Abu Abdullah, Badr al-Din, Muhammad bin Bahadur bin Abdullah al-Zarkashi al-Misri. (1988). Al-Burhan fi Ulum al-Quran. Kaherah: al-Maktabah al-Misriyyah .
- Al-Zurqani, Muhammad Abd al-Azim. (1995). Manahil al-Irfan fi-Ulum al-Quran. Kaherah: Dar al-Kitab al-Arabiyyah.
- Al-Zuhayli, Wahbah Mustafa (2007). Mawsu‘ah al-Fiqh al-Islami al-Mu‘asir. Jil. 5. Damsyiq: Dar al-Makta.

- Harta Dalam Al-Quran: Studi Penafsiran Qs. Al-Humazah Menurut Mutawalli Al-Al-Sha'rawi, tesis sarjana Agama (S.Ag). Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad. (1998). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Kaherah: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Mukram. (2000). *Lisan al-cArab*. Beirut: Dār Sādir.
- Ibnu Furak. (2009). *Tafsir Ibnu Furak*. Jil 1. Universiti Ummul Qura.
- Larson, Mildred. Penerjemahan Berdasarkan Makna: Pedoman Untuk Pemadanan Antarbahasa. Jakarta: Penerbit ARCAN
- Muhammad, Herry. (2006). *Tokoh-tokoh Islam yang Berpengaruh Abad 20*, Jakarta: Gema Insani Press.
- Savory, Theodore. (1968). *The Art of Translation*. London: Prentice Hall.
- Solihin. "Moderasi Islam Dalam Perspektif Al-Sha'rawi (Analisis Tematik atas Tafsir al-Al-Sha'rawi)". Tesis Sarjana Fakultas Ushuluddin Institut Perguruan Tinggi Ilmu Al-Quran Jakarta.
- Yogi Imam Perdana. "Penafsiran Nafsu Ammarah Bi al-Suk Menurut Sheikh Mutawalli Al-Sha'rawi (Menyoroti Siapa Musuh Paling Berbahaya Dalam Diri)".